

## Zuraida diberi masa 14 hari jawab surat tunjuk sebab

**PETALING JAYA** - Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Naib Presidennya, Zuraida Kamaruddin berhubung dakwaan salah laku disiplin.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, surat itu dikeluarkan kepada Ahli Parlimen Ampang itu kelmarin.

"Bermula semalam (kelmarin), beliau ada 14 hari untuk beri penjelasan dan selepas itu barulah Lembaga Disiplin akan buat apa-apa tindakan selanjutnya sama ada pendengaran atau digugurkan. Itu dalam tanggungjawab Lembaga Disiplin," katanya

kepada pemberita selepas mengahdiri mesyuarat bulanan Majlis Pimpinan Pusat PKR di sini semalam.

Ditanya sama ada surat itu dikeluarkan atas sebab ucapan ataupun kehadiran Zuraida dalam mesyuarat-mesyuarat parti, Saifuddin Nasution bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut.

Selain itu, Saifuddin Nasution berkata, ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) AMK, Mohd Akmal Hisyam Ahmad



**ZURAIDA**

rombakan kecil keahlian MPP PKR seperti dipersetujui mesyuarat semalam termasuk pelantikan beberapa ahli MPP baharu menggantikan beberapa MPP yang dilantik sebelum ini yang digugurkan.

Ini termasuk Dr Lee Boon

Tamyiz antara yang ditahan dalam serbuan 'pesta' dadah di sebuah kondominium Ahad lepas digantung keahlian parti serta merta sehingga kes itu selesai disiasat polis.

Beliau turut mengumumkan rombakan kecil keahlian MPP PKR seperti dipersetujui mesyuarat semalam termasuk pelantikan beberapa ahli MPP baharu menggantikan beberapa MPP yang dilantik sebelum ini yang digugurkan.

Chye menggantikan Lee Khai Loon dan Rodziah Ismail menggantikan Syed Ibrahim Syed Noh.

"Oleh kerana Lee Khai Loon bukan lagi MPP yang dilantik dan beliau juga ahli Lembaga Rayuan parti, maka MPP mengumumkan Ahli Parlimen Hulu Selangor, Jun Leow menggantikan tempatnya (dalam Lembaga Rayuan parti)," katanya.

Beliau berkata, jawatan Pengarah Strategik parti yang kini dipegang Datuk Mansor Othman diganti oleh Sim Tze Tzin, namun jawatan Mansor sebagai ahli MPP kekal disebabkan beliau dipilih dan bukannya dilantik. - *Bernama*